

D700

U B786 DEB
PARLIMEN - MAHATHIR (GULUNG)

KUALA LUMPUR, 18 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN SAMA SEKALI TIDAK BERNIAT MENGAMBIL ALIH KUASA HAKIM TETAPI HANYA MAHU MEMPASTIKAN MEREKA BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+TUJUAN KITA IALAH SUPAYA TUGAS EKSEKUTIF DIBEZAKAN DARIPADA KEHAKIMAN DAN SUPAYA HAKIM TIDAK MEMBUAT UNDANG-UNDANGNYA SENDIRI,+ KATANYA KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN KE ATAS RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1988 DI DEWAN RAKYAT.

RANG UNDANG-UNDANG ITU KEMUDIANNYA DILULUSKAN DENGAN 142 ANGGOTA MENYOKONG DAN 18 ANGGOTA MENENTANG.

SEMASA MENJAWAB HUJAH ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN BAHAWA KERAJAAN MENGURANGKAN KUASA KEHAKIMAN DENGAN PINDAAN KEPADA PERKARA 121, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PINDAAN ITU HANYA MEMBERI KUASA KEPADA PEGUAM NEGARA MEMINDAHKAN SESUATU KES DARIPADA SATU MAHKAMAH KE MAHKAMAH LAIN.

PEGUAM NEGARA TIDAK DIBERI KUASA MEMILIH HAKIM YANG +FRIENDLY+ TETAPI KUASA MEMILIH MAHKAMAH ITU SEMATA-MATA BERTUJUAN MEMPERCEPATKAN PROSES PERBICARAAN, KATANYA. -- LAGI
1955MST 18 03 88

D764

U B803 DEB
PARLIMEN - MAHATHIR (GULUNG) 2 KUALA LUMPUR

BELIAU SETERUSNYA BERKATA ADA CONTOH YANG MANA UNDANG-UNDANG YANG TELAH DILULUSKAN OLEH PARLIMEN TETAPI TIDAK DILAKSANAKAN OLEH HAKIM-HAKIM DENGAN ALASAN +NATURAL JUSTICE+.

KEADAAN ITU, KATANYA, TELAH MENYEBABKAN KERAJAAN MENJADI KELIRU SERTA MENJEJASKAN URUSANNYA DALAM MENTADBIRKAN NEGARA.

MISALNYA DALAM KES UEM, ORDINAN PROSIDING KERAJAAN 1956 MENYEBUT BAHAWA TIDAK ADA PIHAK YANG BOLEH MENGAMBIL +INJUNCTION+ TERHADAP KERAJAAN.

+KITA BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG DALAM MELAKSANAKAN TUGAS KITA, MAKA HAKIM JUGA PATUT BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG ITU... ITU SAHAJA YANG KITA HENDAK,+ KATANYA. -- LAGI
2139MST 18 03 88

D765

U B804 DEB
PARLIMEN - MAHATHIR (GULUNG) 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENYEBUT MENGENAI KEJADIAN YANG MANA HAKIM TELAH MENGARAHKAN MENTERI BERKENAAN, MELANJUTKAN TEMPOH TINGGAL SEORANG WARGANEGARA ASING DI NEGARA INI.

KATANYA, PERATURAN SUDAH JELAS BAHAWA ADALAH MENJADI HAK MENTERI UNTUK MENGELUARKAN PERMIT DAN MEMPERTIMBANGKAN PERMINTAAN UNTUK MELANJUTKAN PERMINTAAN TEMPOH TINGGAL ITU.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, MAHKAMAH TELAH MENETAPKAN BAHAWA MENTERI BERKENAAN PERLU MELANJUTKAN TEMPOH ITU DENGAN ALASAN BAHAWA WARGANEGARA ITU MEMPUNYAI +HARAPAN+ SUPAYA TEMPOH TINGGALNYA DILANJUTKAN.

+MAKA SEBIAPA YANG MENDAPAT PERMIT UNTUK TINGGAL DI NEGARA INI SELAMA SETAHUN SEBENARNYA BOLEH TINGGAL SEUMUR HIDUP,+ KATANYA.

KATANYA, HAKIM SEBENARNYA TIDAK BEBAS UNTUK BERBUAT APA SAHAJA KERANA DIA JUGA TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG NEGARA. -- LAGI
2141MST 18 03 88

0767

U 8805 DEB
PARLIMEN - MAHATHIR (GULUNG) 4 KUALA LUMPUR

BELIAU SETERUSNYA MENJELASKAN FUNGSI YANG SEHARUSNYA DIMAINKAN OLEH HAKIM. DALAM KES YANG HUKUMANNYA IALAH MATI SEPerti DI BAWAH SEKSYEN 39(B) AKTA DADAH BERBAHAYA, TUGAS HAKIM IALAH UNTUK MEMASTIKAN SAMA ADA PIHAK YANG DITUDUH ITU BERSALAH ATAU TIDAK, KATANYA.

JIKA HAKIM MENDAPATI PIHAK YANG TERTUDUH ITU BERSALAH, DIA HARUSLAH MENJATUHKAN HUKUMAN MATI SEPerti YANG TELAH DITETAPKAN OLEH UNDANG-UNDANG ITU.

MENGENAI TANAH, KATANYA, PINDAAN ITU SEOLAH-OLAH MENAMPAKKAN BAHAWA KERAJAAN TELAH MENGAMBIL KUASA KERAJAAN NEGERI, SEDANGKAN APA-APA LANGKAH MENGENAINYA AKAN DIBUAT SECARA PERUNDINGAN DENGAN KERAJAAN NEGERI BAGI MENETAPKAN SYARAT-SYARAT MENGENAINYA.

PINDAAN ITU MENURUTNYA PENTING KERANA TANAH YANG DIINGINKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG BUKAN LAGI SETAKAT UNTUK MEMBINA BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN SEPerti PEJABAT POS MALAHAN KINI DIPERLUKAN UNTUK MEWUJUDKAN MISALNYA KAWASAN-KAWASAN ZON PERDAGANGAN BEBAS ATAUPUN UNTUK MEMBANGUNKAN SEBUAH BANDAR.

BAGIMANAPUN, KATANYA, PROJEK-PROJEK ITU KEMUDIAN TERPAKSA DIJUALKAN KEPADA PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG MENYERTAI PROJEK ITU SEPerti TUAN-TUAN PUNYA KILANG DAN KEDAI.

OLEH ITU, KATANYA, PINDAAN DIPERLUKAN BAGI MEMASTIKAN BAHAWA PENJUALAN ITU TIDAK AKAN MENYALAHI UNDANG-UNDANG. -- LAGI
2144MST 18 03 88

0768

U 8806 DEB
PARLIMEN - MAHATHIR (GULUNG) 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA PINDAAN ITU JUGA ADALAH BAGI MELICINKAN USAHA PENSWASTAAN BEBERAPA PERKHIDMATAN KERAJAAN SEPerti KERETAPI TANAH MELAYU, YANG MEMILIKI BANYAK TANAH REZAB.

MENGENAI KEBIMBANGAN SESETENGAH ANGGOTA DEWAN DARI SABAH DAN SARAWAK MENGENAI KEDUDUKAN MAHKAMAH ANAK NEGERI DAN SOAL TANAH ADAT DI NEGERI-NEGERI ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU TIDAK TERLIBAT DALAM PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN. --
BERNAMA

2146MST 18 03 88